



**ANUGERAH SEKOLAH RAKAN ALAM SEKITAR (SERASI)
SEMPENA
MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA 2005
PERINGKAT NEGERI SABAH**

1.0 PENDAHULUAN

Selain daripada di rumah, sekolah juga merupakan antara tempat untuk membentuk generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar. Ini adalah kerana di sekolah keperibadian dan persepsi manusia terhadap alam sekitar dapat dibentuk atau dicorakkan. Apabila sudah dewasa atau keluar dari alam sekolah, seorang manusia akan lebih sukar untuk dididik seperti kata pepatah “Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya”.

Sekolah-sekolah di Sabah telah mula menerapkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan pelajarannya dan mewujudkan generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar. Justeru itu, bagi menghargai usaha murni pihak sekolah ini maka satu bentuk pengiktirafan diberikan kepada pihak sekolah melalui Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar atau lebih dikenali dengan SERASI.

Program Anugerah SERASI ini merupakan anjuran bersama Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar Persekutuan, Jabatan Pelajaran Sabah, Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar (EAC), Kota Kinabalu City Bird Sanctuary, Jabatan Perhutanan Sabah, Unit Sains dan Teknologi dan SHELL Malaysia.

Program Anugerah SERASI telah dilaksanakan buat pertama kalinya pada tahun 2003 sempena Minggu Alam Sekitar Malaysia. Majlis Penyampaian Anugerah telah dilaksanakan pada 28 Februari 2004. Urusetia bagi program pertama tersebut adalah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar. Sempena Minggu Alam Sekitar

Malaysia pada tahun 2004 pula, Anugerah SERASI dilaksanakan buat kali kedua di mana Urusetia program pada kali ini adalah Jabatan Alam Sekitar Persekutuan. Majlis Penyampaian Anugerah telah diadakan pada 29 Januari 2005.

Tahun 2005 merupakan tahun ketiga Anugerah SERASI dilaksanakan di mana Urusetianya adalah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar. Penganugerahan SERASI akan dilaksanakan pada Januari 2006.

2.0 OBJEKTIF

Objektif-objektif Anugerah SERASI adalah seperti berikut:

- Untuk mempertingkatkan kesedaran terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar di sekolah.
- Untuk memupuk sikap positif dan cintakan alam sekitar di kalangan warga sekolah khususnya dan masyarakat setempat amnya.
- Untuk menggalakkan inovasi ke arah membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
- Untuk mengiktiraf usaha berterusan sekolah dalam program Pendidikan Alam Sekitar.

3.0 KONSEP

SERASI adalah berkonsepkan amalan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di sekolah pada sepanjang masa. Ia turut menyokong dan mengukuhkan program pendidikan alam sekitar merentas kokurikulum. Program Anugerah SERASI adalah pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua lapisan warga sekolah bersama keluarga, komuniti setempat, Kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan.

Konsep ini juga menitikberatkan pendekatan bersepadu dalam pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan sekolah. SERASI merupakan pusat pembelajaran dan pengajaran yang dapat mempengaruhi warga sekolah dan masyarakat ke arah kehidupan lestari.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Penyertaan adalah dibuka kepada semua sekolah menengah dan rendah kerajaan dan bantuan Kerajaan, termasuk Sekolah Menengah Agama Negeri dan Maktab Rendah Sains MARA di Negeri Sabah.

5.0 JAWATANKUASA INDUK DAN KECIL

Jawatankuasa Induk adalah dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar. Ahli-ahli adalah Jabatan Alam Sekitar Persekutuan, Jabatan Pelajaran Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah, Unit Sains dan Teknologi, Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar (EAC), Kota Kinabalu City Bird Sanctuary dan SHELL Malaysia.

Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil bagi menyelaras pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Kecil Pencetakan dan Penyediaan Hadiah/Trofi/Sijil
- Jawatankuasa Kecil Publi siti dan Pameran
- Jawatankuasa Kecil Majlis Penyampaian Anugerah
- Jawatankuasa Kecil Penghakiman (Keseluruhan)

6.0 PELAKSANAAN PROGRAM

6.1 Jadual Pelaksanaan

Sila rujuk Lampiran 1

6.2 Pemilihan

Pemilihan berperingkat dijalankan bagi menyenaraipendekkan sekolah-sekolah yang sesuai dan layak untuk dinilai bagi Anugerah SERASI. Laporan atau borang penyertaan tidak diperlukan.

Peringkat Pertama

Kaedah : Tapisan awal adalah dilakukan oleh Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). PPD akan mencalonkan sekolah menengah dan sekolah rendah yang layak bagi setiap daerah untuk proses penilaian kedua.

Peringkat Kedua

Kaedah : Penilaian kedua akan diselaras dan dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Sabah. Pengadil-pengadil yang terlibat akan menjalankan lawatan penilaian ke sekolah-sekolah yang dicalonkan oleh PPD. Sebanyak sepuluh (10) sekolah menengah dan sepuluh (10) sekolah rendah yang mendapat markah tertinggi akan layak ke peringkat akhir. Pemarkahan dibuat berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Peringkat Akhir

Kaedah: Panel hakim yang dilantik oleh Jawatankuasa Penganjur akan menjalankan lawatan penghakiman ke sepuluh (10) sekolah menengah dan sepuluh (10) sekolah rendah yang berjaya ke peringkat akhir. Pemarkahan akan diberikan bagi menentukan pemenang mengikut kategori yang ditetapkan.

Catatan:

1. Kriteria penghakiman adalah sama bagi setiap peringkat pemilihan.
2. Pada peringkat akhir, penilaian tambahan bagi memperolehi **markah bonus** akan dijalankan di mana guru dan pelajar akan ditemuramah secara rambang mengenai kesedaran alam sekitar, dan juga mengenai inisiatif sekolah melaksanakan program dengan masyarakat setempat atau pihak luar selain daripada warga sekolah. Guru Besar atau Pengetua juga akan ditemuramah pada peringkat ini.

6.3 Kriteria dan Syarat-Syarat

Sila rujuk Lampiran 2

7.0 PENUTUP

Kesinambungan usaha pihak sekolah untuk sentiasa memelihara kesejahteraan alam sekitar adalah harapan dalam SERASI. Semoga warga sekolah yang bakal meninggalkan bangku sekolah akan membawa bersama-sama dengan mereka budaya hidup dan kerja yang sayangkan alam sekitar.

LAMPIRAN 1

JADUAL PELAKSANAAN PROGRAM ANUGERAH SERASI 2005

Bil.	Perkara	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan-06
1.	Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Induk SERASI (11 Mac 2005)	■										
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Jawatankuasa Kecil	■*	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■
3.	Taklimat kepada Pegawai Pelajaran Daerah (12 April 2005)		■									
4.	Pengumuman kepada sekolah (melalui PPD) dan media (oleh J/K Publisiti)		■	■								
5.	Penglibatan pihak sekolah			■**	■	■	■	■	■	■	■	■
6.	Pemilihan PERINGKAT PERTAMA (Pencalonan diterima daripada pihak PPD) Selewat-lewatnya 21 Mei 2005				■							
7.	Taklimat kepada Pengadil Pemilihan PERINGKAT KEDUA (pertengahan bulan Jun 2005)				■	■						
8.	Pemilihan PERINGKAT KEDUA					■	■	■				
9.	Penghakiman PERINGKAT AKHIR							■	■	■		
10.	Majlis Anugerah											■

Nota:

*Mesyuarat diadakan berdasarkan keperluan

** Penglibatan pihak sekolah adalah berterusan

LAMPIRAN 2

Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI)

Sempena

Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) 2005

Anjuran Bersama

Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah, Jabatan Pelajaran Sabah, Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar (EAC), Jabatan Perhutanan Sabah, Unit Sains dan Teknologi, Kota Kinabalu City Bird Sanctuary (KKCBS) dan SHELL Malaysia

A. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini melibatkan semua sekolah menengah dan rendah kerajaan dan bantuan kerajaan termasuk Sekolah Menengah Agama Negeri dan Maktab Rendah Sains MARA di Sabah.
2. Sebarang pertanyaan mengenai Anugerah ini hendaklah diajukan kepada Urusetia di alamat berikut:

Urusetia
Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI)
Seksyen Pengembangan dan Kesedaran, Bahagian Perancangan
Jabatan Perlindungan Alam Sekitar
Tingkat 1-3, Wisma Budaya
Beg Berkunci 2078
88999 KOTA KINABALU

Tel: 088-251290/251291
Faks: 088-238120
Emel: jpas@sabah.gov.my

3. Keputusan panel hakim adalah mutamad.

B. HADIAH

Setiap sekolah yang berjaya hanya boleh memenangi hadiah bagi satu kategori sahaja. Hadiah bagi Anugerah SERASI bagi kedua-dua peringkat sekolah rendah dan menengah adalah seperti berikut:

- Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar : RM 3000.00, Sijil Penghargaan & Piala
- Pengurusan Alam Sekitar Terbaik : RM 1500.00, Sijil Penghargaan & Piala
- Aktiviti Kesedaran Alam Sekitar Terbaik : RM 1500.00 Sijil Penghargaan & Piala
- Penghijauan Sekolah Terbaik : RM 1500.00 Sijil Penghargaan & Piala
- Kebersihan & Keindahan Persekitaran Sekolah : RM 1500.00 Sijil Penghargaan & Piala
- Inovasi Alam Sekitar Terbaik: RM 1500.00 Sijil Penghargaan & Piala
- Wang Saguhati sebanyak RM500.00 dan Sijil Penghargaan kepada sekolah yang layak ke Peringkat Akhir.

- Surat Penghargaan kepada sekolah yang layak ke Peringkat Kedua.

C. KRITERIA PENGHAKIMAN

Penghakiman bagi Anugerah SERASI mengambilkira kriteria-kriteria seperti berikut:

1. Pengurusan Alam Sekitar Terbaik

Misi/Visi/Objektif

- Wujud unsur alam sekitar di dalam misi/visi/objektif sekolah.

Organisasi

- Penubuhan jawatankuasa penyelarasa yang terdiri daripada pentadbir, ahli PIBG, guru, staf sokongan dan wakil pelajar. (Mengadakan mesyuarat; mempunyai fail dan minit untuk dirujuk.)

Strategi dan Pelan Tindakan Pelaksanaan untuk perancangan program dan aktiviti

- Cara penyebaran mesej alam sekitar di sekolah.
- Koleksi bahan bacaan, rujukan dan multimedia alam sekitar di pusat sumber sekolah.
- Mengadakan dan mengimplementasikan peraturan sekolah yang berkaitan alam sekitar. *(Mempunyai rekod untuk dirujuk)*
- Memberi pengiktirafan kepada individu atau kumpulan yang menyumbang dan terlibat secara aktif dalam melaksanakan program pendidikan alam sekitar. *(Mempunyai rekod untuk dirujuk)*
- Sistem memantau pelaksanaan strategi dan pelan tindakan. *Mempunyai Jadual Pelaksanaan dan Jadual Kemajuan Kerja untuk dirujuk.*
- **Sistem laporan** kemajuan yang boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilai. Mempunyai rekod yang lengkap dengan kriteria berikut untuk dirujuk :-
 - ✓ Jenis aktiviti dan tarikh pelaksanaan
 - ✓ Jawatankuasa penganjur
 - ✓ Penglibatan - warga sekolah / masyarakat setempat
 - ✓ Komen pencapaian
 - ✓ Mesyuarat Postmortem

2. Aktiviti Kesedaran Alam Sekitar Terbaik

Program atau Aktiviti Kesedaran Alam Sekitar*:

- Gotong-royong
- Penggalakan Penanaman Tumbuh-tumbuhan (dalam atau/dan luar sekolah) contoh: Taman Angkat, Program 1 pelajar 1 pokok dan sebagainya.
- Seminar, ceramah, pameran, bengkel kepada warga sekolah.
- Lawatan sambil belajar, kem alam sekitar, kembara ke tempat yang bercirikan alam sekitar.
- Menganjurkan aktiviti lain yang bertemakan alam sekitar.
- Penyertaan pertandingan luar atau/dan dalam sekolah berkaitan alam sekitar contoh: melukis, mewarna, esei, puisi, debat, drama, mencipta barangan kitar semula dan sebagainya.

*** (Aktiviti dan program direkod sebagai bahan rujukan)**

3. Penghijauan Sekolah Terbaik

Amalan 5R (Rethink, Reduce, Repair, Reuse, Recycle)

- Menggunakan kertas depan dan belakang (*kemukakan bukti*)
- Pengurusan Sampah:
 - a) **Sekolah dalam kawasan perkadaran** pihak berkuasa tempatan mengamalkan pengasingan sampah (botol, plastik, kertas, dan sebagainya).
 - b) **Sekolah di luar kawasan perkadaran** pihak berkuasa tempatan.
- Menggunakan semula air hujan untuk menyiram pokok, membersihkan longkang dan sebagainya.
- Membuat baja kompos dari sisa makanan dan tumbuh-tumbuhan.

Pengurusan Sumber

- Penjimatan air di sekolah
- Penjimatan elektrik di sekolah

Penghijauan Taman

- Keterangan dan fungsi pokok di sekitar sekolah
- Pelabelan pokok dengan nama saintifik & tempatan
- Penggunaan baja organik

4. Kebersihan Dan Keindahan Persekitaran Sekolah

Kebersihan persekitaran sekolah

- Lanskap
- Longkang
- Tempat pengurusan sampah
- Tiada penyalahgunaan kemudahan sekolah

Keceriaan bangunan sekolah

- Mural/poster/peribahasa/pepatah

Tahap kebersihan kantin

- Pengurusan sampah organik dan bukan organik di tempat memasak
- Peralatan memasak, pinggan mangkuk dan sebagainya.
- Tempat penyediaan makanan
- Kebersihan luar dan dalam kawasan kantin seperti siling, tingkap, dinding dan lantai.
- Cara penggunaan bekas makanan untuk pelajar

Tahap kebersihan tandas

- Tiada pencemaran bau
- Lantai bersih
- Sinki bersih

- Mangkuk tandas bersih
- Mempunyai peralatan tandas (seperti gayung, baldi, sabun)
- Bakul sampah yang bersih

5. Inovasi Alam Sekitar Terbaik

- Pelaksanaan aktiviti di sekolah mengenai inovasi sama ada berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar (contoh: ceramah, pertandingan, pameran, dsb)
- Mencipta peralatan/barangan/sistem/teknik yang inovatif bertujuan untuk melindungi dan memulihara alam sekitar.
- Peralatan/barangan/sistem/teknik yang telah dicipta dapat berfungsi dengan baik dan digunakan sepenuhnya.
- Penglibatan guru/pelajar/kakitangan sokongan/pihak luar dalam pelaksanaan aktiviti yang berkaitan dengan inovasi alam sekitar di sekolah.

6. Markah Bonus untuk Anugerah SERASI

- Elemen khas seperti sekolah melakukan sesuatu atau projek atas inovasi, inisiatif dan kreativiti sendiri yang melibatkan pihak lain selain dari warga sekolah seperti masyarakat setempat, kumpulan dari peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. (*Mempunyai rekod atau laporan untuk dirujuk*)
- Temuramah Pengetua/Guru Besar, guru dan pelajar mengenai kesedaran dan komitmen terhadap alam sekitar.